

**SOALAN NO. 528**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING  
[ PENAMPANG ]**

**SOALAN :**

**YB Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta PERDANA MENTERI menyatakan jika Kerajaan atau pun mana-mana agensi Kerajaan mempunyai rancangan untuk memperuntukkan dana pembangunan dan sosial kepada Ahli-ahli Parlimen pembangkang sepetimana yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada wakil-wakil rakyat pembangkang di Dewan Undangan Negeri Selangor.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan menyediakan Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri di semua kawasan Parlimen yang boleh digunakan untuk melaksanakan pelbagai program/projek khususnya untuk faedah dan manfaat rakyat di kawasan berkenaan. Peruntukan ini diuruskan oleh Jabatan Pembangunan Persekutuan/Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri (JPP/PPPN) berdasarkan kepada peraturan dan garis panduan yang ditetapkan.

Sekian. Terima kasih.